

Impak Pendekatan Terjemahan Terhadap Kualiti Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu

Impact of Translation Approach on the Accuracy of Quranic Euphemism Translated into Malay

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad
Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Bukit
Ilmu, 18500 Machang Kelantan, Malaysia
Tel: +6017-9063117 Email: luqman701@uitm.edu.my

Nurazan Mohmad Rouyan (Corresponding Author)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia
Tel: +6019-7007567 Email: nurazan@unisza.edu.my

Abstrak

Penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu mencetuskan kesukaran disebabkan faktor budaya dan linguistik. Antara kesukaran yang dihadapi oleh penterjemah melibatkan penyampaian maksud sebenar eufemisme al-Quran dan penelitian mendalam terhadap peraturan berbahasa dalam masyarakat. Lantaran itu, pengaplikasian kaedah terjemahan yang sesuai adalah signifikan bagi penghasilan karya yang bermutu. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti impak pendekatan terjemahan terhadap kualiti penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu. Kajian kualitatif ini dilakukan dengan mengadaptasi Model Penilaian Penterjemahan Eufemisme dalam al-Quran (MPPEQ) oleh Olimat (2018) dan teori Semantik & Komunikatif oleh Newmark (1981). Dalam kajian ini, pengkaji menerapkan kaedah analisis kandungan dengan memfokuskan enam sampel eufemisme al-Quran yang disenaraikan daripada *Corpus of Euphemism in the Quran* oleh Olimat (2019). Sebanyak empat karya terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu dipilih dan dijadikan bahan kajian. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan

terjemahan yang diaplikasi menghasilkan dua impak, iaitu terjemahan berjaya dan kurang berjaya. Natiujahnya, keberhasilan dan ketidaksempurnaan terjemahan bertunjangan kepada penggunaan pendekatan dan pemilihan perkataan. Dapatan juga membuktikan kaedah dengan penyisipan huraian tambahan adakalanya menyebabkan kekeliruan makna disebabkan faktor fungsional leksikal. Di samping itu, pengekaln laras teks sumber boleh diterapkan apabila terdapat persamaan unsur linguistik dan budaya dalam masyarakat. Kajian juga menemukan terjemahan yang tidak mengekalkan gaya eufemistis dan menyebabkan implikasi wacana berunsur disfemisme. Sebagai rumusan, kajian telah meneroka dimensi baharu berkaitan konsep eufemisme dalam al-Quran dan pendekatan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: Penterjemahan al-Quran; Eufemisme; Pendekatan Terjemahan; Kualiti Penterjemahan

Abstract

Translation of the Quran into Malay poses

challenges due to cultural and linguistic factors. Among the difficulties faced by translators are conveying the true meaning of Quranic euphemisms and thoroughly examining the linguistic rules within society. Therefore, the application of appropriate translation methods is significant for producing high-quality works. This study was conducted to identify the impact of translation approach on the quality of the translation of Quranic euphemisms into Malay. This qualitative study was conducted by adapting the Euphemisms Translation Evaluation Model in the Quran (MPPEQ) by Olimat (2018) and Newmark's (1981) Semantic & Communicative theory. In this study, the researcher applied content analysis methods, focusing on six samples of Quranic euphemisms listed in the Corpus of Euphemism in the Quran by Olimat (2019). Four translations of the Quran into Malay were selected as study materials. The findings indicate that the applied translation approaches result in two impacts: successful translations and less successful ones. Consequently, the success and imperfection of translations depend on the approach used and the choice of words. The findings also demonstrate that methods incorporating additional explanatory insertions sometimes cause confusion in meaning due to functional lexical factors. Furthermore, maintaining the source text's register can be applied when there are similarities in linguistic and cultural elements within society. The study also found translations that do not retain the euphemistic style, resulting in discourse implications of dysphemism. In conclusion, the study has explored new dimensions related to the concept of euphemism in the Quran and its translation approaches into Malay.

Keywords: Quran Translation; Euphemisms; Translation Approach; Translation Quality

Pengenalan

Penterjemahan lazimnya melibatkan dua bahasa yang berbeza dari aspek sistem bahasa dan budaya. Dengan kata lain, penterjemahan adalah jambatan yang merapatkan jurang antara bahasa dan berfungsi menjelaskan mesej yang terdapat pada bahasa sumber. Aktiviti penterjemahan pula telah berkembang dan mencakupi pelbagai bidang dan domain. Bassnett (1996) menyatakan walaupun kajian terjemahan merangkumi bidang yang luas, secara asasnya ia berorientasi kepada dua elemen iaitu produk dan proses. Elemen produk diberi penekanan terhadap aspek fungsional teks sasaran, manakala elemen proses diberi penekanan pada penganalisan yang berlaku semasa menjalankan terjemahan. Antara bidang yang giat diterokai dan dikaji ialah penterjemahan al-Quran.

Dari sudut definisi, al-Zarqānī (1995) menyatakan penterjemahan al-Quran merupakan usaha penyampaian konotasi istilah Arab dalam perkataan bukan Arab dengan mematuhi semua makna dan tujuan al-Quran. Dalam dimensi lain, teks terjemahan al-Quran berfungsi sebagai medium bagi menyalurkan intipati makna dan kandungan kalam Allah SWT. Oleh kerana itu, penterjemah al-Quran berperanan besar untuk berusaha menyampaikan mesej sebenar selaras dengan konteks linguistik dan latar belakang budaya pembaca. Justeru, pengaplikasian pendekatan terjemahan dan pemilihan diksi perlulah sesuai dan konsisten bagi menyerlahkan keunikan wacana dan mencapai fungsi komunikatif.

Dalam konteks penterjemahan al-Quran di Malaysia, anjakan perkembangan dapat dilihat apabila syarikat-syarikat penerbitan mengambil inisiatif dengan menghasilkan dan menerbitkan karya terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu. Antaranya, Syarikat Telaga Biru telah menerbitkan

enam buah terjemahan al-Quran. Begitu juga Syarikat Karya Bestari di bawah Karangkraf telah menerbitkan 17 buah karya terjemahan dengan pelbagai judul dan variasi. Seterusnya, Syarikat al-Hidayah House of Quran telah menerbitkan 16 buah terjemahan al-Quran (Haziyah & Muhammad Hadi, 2020).

Penghasilan karya terjemahan al-Quran dilakukan dengan penuh hemat disebabkan faktor linguistik, stilistik dan fungsi bahasa yang unik. Olimat (2018) menyatakan al-Quran mengandungi gaya wacana unik yang terbina daripada unsur figuratif dan retorik bahasa. Lantaran itu, penyampaian makna yang terhasil daripada unsur tersebut diakui mencetuskan kesukaran kepada para penterjemah. Antara cabaran dan kesukaran dalam penterjemahan al-Quran adalah berkaitan dengan struktur eufemisme al-Quran (Olimat, 2019; Albarakati, 2019). Kesukaran ini menurut al-Qahtani (2020) memerlukan keputusan penterjemah sama ada menggugurkan sebahagian makna eufemisme atau mengorbankan fungsi makna asal eufemisme tersebut dalam karya terjemahan.

Eufemisme Dalam al-Quran

Eufemisme merupakan struktur lazim yang terdapat dalam wacana al-Quran (al-Qahtani, 2020) dan berfungsi sebagai ciri *balāghah* al-Quran (Abdul-Raof, 2001). Secara tidak langsung, eufemisme diterap untuk menggantikan makna yang terlalu berterus terang (*direct*) berkaitan topik sensitif yang menyentuh latar budaya dan bahasa. Dari sudut definisi, eufemisme al-Quran merujuk kepada leksikal atau struktur ayat al-Quran yang mengandungi unsur kehalusan, kecermatan, keunikan, kesantunan dan kebanyakan bersifat figuratif. Menurut Olimat (2019), eufemisme al-Quran berjumlah 918 terdiri daripada 17 domain; iaitu kematian,

kerusakan, perceraian, perkumuhan, perasaan, peperangan, kewangan, kesihatan, kelakuan peribadi yang buruk, kemiskinan, kelahiran, hukuman, agama, hubungan badan, perhambaan, sumpah dan penentangan.

Olimat (2018) melalui Model Penilaian Penterjemahan Eufemisme dalam al-Quran (MPPEQ) telah mengadaptasi model Warren (1992) untuk menganalisis klasifikasi makna eufemisme dalam al-Quran. Menurut Warren, eufemisme terdiri daripada inovasi semantik yang membentuk makna baharu daripada set makna sedia ada antaranya:

- 1) *Particularization* (pengkhususan): Merujuk kepada istilah umum dalam bentuk makna yang khusus. Contohnya perkataan *al-fāhisyatt* (Terj literal: keji) yang mengutarakan maksud yang luas antaranya zina, bakhil dan hubungan sejenis.
- 2) *Implications* (implikasi): Ialah makna yang dimaksudkan dapat digambarkan dan difahami walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit. Contohnya perkataan *fāriqūhunna* (Terj literal: tinggalkan mereka) yang bererti bercerai.
- 3) *Metaphors* (metafora): Satu bentuk ujaran yang menggambarkan objek atau tindakan secara literal tetapi membantu untuk menjelaskan makna melalui beberapa dimensi makna. Metafora dalam bahasa Arab merujuk kepada *al-istiā'ratt*. Contohnya frasa *nisāukum hartsul lakum* (Terj literal: isteri kamu adalah ladang bagi kamu) yang bermaksud mencampuri isteri.
- 4) *Metonyms* (metonimi): iaitu penggunaan satu ciri atau objek dengan pengertian maksud yang berbeza. Metonimi dalam bahasa

Arab merujuk kepada *al-kināyah*. Contohnya, kata *tamassūhunna* (Terj literal: kamu menyentuh isteri-isteri mereka) yang membawa maksud mencampuri isteri.

- 5) *Reversals* (pembalikan/ironi): Iaitu menggunakan perkataan berlawanan makna. Contohnya kata *al-basīr* (melihat) untuk menggantikan perkataan *al-a'ama* (buta).
- 6) *Understatements* (pengurangan/litot): Berlaku apabila ciri diperkecilkan atau diubah kepada gaya bahasa yang lebih rendah. Contohnya, frasa *laisa dzakiyyan* (tidak cerdik) untuk menggantikan frasa *al-safāhatt* (bodoh).
- 7) *Overstatements* (hiperbola): Iaitu menyatakan sesuatu dengan terlalu jelas atau berlebihan. Contohnya frasa *intaqala ila jawāri rabbihi* (dia telah berpindah ke sisi Tuhannya) yang merujuk kepada mati.

Dari sudut pemaknaan, Ali Albashir et al. (2019) menyatakan eufemisme dalam al-Quran mengandungi makna konotatif, mempunyai perbezaan makna yang sangat halus, sukar difahami dan mempunyai lebih daripada satu makna. Tegasnya, kebanyakan struktur eufemisme al-Quran diguna secara figuratif seperti *al-kināyah* dan *al-istiā'rah*. Hal ini selari dengan kenyataan Ahmed (2013) bahawa sarjana Arab silam mengaitkan struktur eufemisme dengan unsur *kināyah*, antaranya ilmuwan seperti al-Mubarid (1986), Ibn Fāris (1910), al-Jirjani (1908) dan al-Qurṭūbī (2003).

Dalam konteks surah al-Baqarah, Nurhalimah et al. (2017) menerusi kajiannya menyatakan jenis eufemisme yang dominan diterapkan dalam surah tersebut terdiri dari aspek perubahan

semantik (*semantic change*) merangkumi makna langsung, makna tidak langsung, tersirat, dan eksplisit. Manakala, fungsi eufemisme dalam konteks sosial digunakan untuk mengelakkan rasa malu dan menghindari daripada menyebut kata tabu secara langsung bagi memelihara kepentingan individu dan konteks tertentu.

Kesimpulannya, eufemisme al-Quran mengandungi elemen retorik dan linguistik yang memerlukan kepada pemahaman mendalam. Di samping itu, latar sosial dan budaya dalam al-Quran merupakan aspek yang perlu diberi perhatian khususnya kepada para penterjemah. Justeru, peranan penterjemah adalah signifikan untuk memastikan penyampaian makna diutamakan dan keindahan bahasa al-Quran terpelihara dengan sempurna.

Eufemisme dalam Masyarakat Melayu dan Arab

Konsep eufemisme dalam konteks masyarakat Melayu sangat berkait dengan kesantunan. Asmah (2008) menyatakan eufemisme merujuk kepada bentuk kiasan yang menggambarkan sesuatu rujukan dengan cara memberi kesan yang baik, iaitu apabila benda yang dirujuk mengandungi makna yang buruk dan kasar. Dalam masyarakat Melayu, penggunaan eufemisme berkisar pada makna yang berlapis, tidak terus, berkias dan berfungsi bagi mengelakkan ujaran yang kasar, tabu dan tidak santun. Contohnya, pengungkapan kata seperti bodoh, cacat, gila, anak zina dan mandul adalah bertentangan dengan norma masyarakat Melayu. Justeru, perkataan tersebut perlu digantikan dengan kata yang lebih menentengahkan nilai kesantunan seperti kurang akal, kelainan upaya, kurang siuman, anak luar nikah dan tidak dapat beranak. Begitu juga fungsi eufemisme dalam konteks memelihara maruah wanita yang 'janda' dengan menggantikannya

kepada panggilan ‘ibu tunggal’. Ringkasnya, antara fungsi penggunaan eufemisme dalam konteks sosial masyarakat Melayu adalah untuk menunjukkan kehormatan, menjaga air muka dan maruah.

Dalam konteks Masyarakat Arab, unsur melibatkan wanita, tubuh badan termasuk perihal seksualiti, keperawanan, haid, menopaus serta taraf kesucian seorang

wanita yang berkait dengan kehormatan keluarganya merupakan bahasa tabu yang paling dielakkan (Sadiqi, 2003). Topik tersebut dinyatakan oleh Loae Fakhri (2019) sebagai perkara yang paling tidak boleh diungkap dalam kalangan orang Arab. Fahrur Rosikh (2014) mengutarakan beberapa perkataan tabu dalam masyarakat Arab yang dihaluskan dalam komunikasi, antaranya seperti yang terdapat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perkataan Tabu dan Eufemisme dalam Masyarakat Arab

Bil	Perkataan tabu	Eufemisme
1.	حُبْلَى	حَامِلٌ
2.	الْمَجَانِينُ	الْأَمْرَاضُ الْعَقْلِيَّةُ
3.	عَجْزٌ	مُتَقَدِّمٌ فِي السِّنِّ
4.	الْجِمَاعُ	الْمُبَاشَرَةُ، الْمَلَامَسَةُ، الرَّفَثُ
5.	الْأَعْمَى	جَرِيْمَةُ الْعَيْنِ

Sementara itu, Farghal (1995) menjelaskan eufemisme adalah pilihan pragmatik (*pragmatic choices*) oleh pengguna bahasa untuk memenuhi latar interaksi; pilihan ini tidak berasaskan pertimbangan, sebaliknya adalah usaha yang disengajakan berdasarkan faktor kontekstual termasuk pengetahuan tentang peranan sosial atau status, tahap formaliti dan medium. Eufemisme dalam bahasa Arab boleh dicapai melalui aspek pragmatik secara ujaran tidak terus (*indirectness*) dan kesantunan (*politeness*). Dari sudut penyampaian makna eufemisme, Farghal (1995) menyatakan penutur Arab menggunakan empat cara menyampaikan makna eufemisme dalam komunikasi, iaitu ekspresi makna secara kiasan (*figurative expressions*), penggunaan banyak perkataan untuk menerangkan sesuatu maksud (*circumlocutions*), penyusunan semula (*remodelings*), dan antonim (*antonyms*).

Secara keseluruhan, penggunaan bahasa sangat dipengaruhi oleh faktor luaran

sebagai cerminan budaya yang dikenali sebagai etika komunikasi. Dalam konteks ini, ia dilihat signifikan untuk diambil kira dan dipertimbangkan bagi menentukan topik yang sesuai dibicarakan. Dimensi peraturan berbahasa ini perlu dipatuhi untuk mengetengahkan unsur eufemisme selaras dengan nilai etika dan konteks budaya dalam masyarakat. Tuntasnya, eufemisme dari perspektif budaya Melayu dan Arab mempunyai persamaan dari sudut penggunaan ujaran halus dalam konteks sosial sebagai pengganti kata untuk mengelakkan topik ofensif disebabkan ujaran berunsur sensitif.

Penterjemahan Eufemisme dalam al-Quran

Menterjemah perkataan al-Quran merupakan satu cabaran apabila pentafsiran perlu dibuat setepat mungkin, dan pada masa sama menyedari fungsi penting sesuatu perkataan bagi menghasilkan kesetaraan makna (Sarmad & Hussam, 2020). Para penterjemah sangat disarankan mengambil kira aspek ketepatan makna

selaras dengan konteks dan mesej al-Quran. Antara elemen penting melibatkan parameter pemakaian seperti makna denotasi, konteks, budaya, linguistik dan retorika perkataan tersebut (Darwish, 2010).

Olimat (2018) menyatakan antara permasalahan yang berkait dengan penterjemahan eufemisme al-Quran ialah makna sebenar tidak disampaikan, gaya eufemistis tidak dikekalkan, terjemahan tidak mematuhi struktur bahasa sumber/bahasa sasaran dan kaedah terjemahan yang digunakan tidak sesuai. Dimensi ketidaksampaian makna sebenar merujuk kepada makna asal teks sumber (al-Quran) tidak dinyatakan dalam bahasa sasaran disebabkan penggunaan kaedah terjemahan secara literal atau tidak disertakan huraian tambahan. Ketidaksesuaian gaya eufemistis pula merujuk kepada pemilihan leksikal yang tidak menepati unsur kesantunan atau peraturan sosiolinguistik sesebuah masyarakat. Manakala, ketidakpatuhan berlaku disebabkan kesilapan penggunaan sistem tatabahasa dan pemilihan perkataan yang tidak mencakupi keseluruhan makna.

Dalam dimensi berbeza, Olimat (2018) menegaskan penterjemahan yang hanya menggunakan kamus/literal atau bergantung pada konteks tanpa mengambil kira hubungan intratekstual dan kontekstual sesebuah eufemisme al-Quran boleh menyebabkan salah tafsir dan mencetuskan kesilapan makna dalam penterjemahan. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Muhammad Luqman ibnul hakim et.al (2024) bahawa terjemahan secara literal atau hanya berpandukan penyampaian makna secara denotasi berkemungkinan membawa implikasi terhadap ketidaktepatan mesej al-Quran. Bertepatan dengan kenyataan Haziyah dan Muhammad Hadi (2020) bahawa isu dalam penterjemahan al-Quran ke bahasa Melayu

merangkumi empat aspek, iaitu (1) ketidaktepatan terjemahan disebabkan pemilihan perkataan dan makna yang tidak tepat, (2) tidak mengambil kira peraturan sosiolinguistik/cara berbahasa dalam masyarakat, (3) pendekatan tidak konsisten dan (4) tidak menyertakan penjelasan tambahan. Dari sudut definisi, hubungan intratekstual merujuk kepada kefahaman makna yang diperoleh berdasarkan perkaitan semantik antara ayat dalam surah sama. Manakala, hubungan kontekstual pula merujuk kepada keadaan ekstralinguistik, iaitu makna konteks yang dapat ditelusuri melalui surah sama atau surah lain sebagai penjelasan dan penginterpretasian.

Pendekatan Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu

Kaedah terjemahan yang baik berfungsi menyampaikan makna implisit item leksikal al-Quran dengan sempurna. Manakala, sebaliknya menyebabkan mesej al-Quran tidak disampaikan. Secara umumnya, pengaplikasian pelbagai prosedur dalam penterjemahan merupakan satu pilihan dan inisiatif penting bagi mengelakkan aspek kekaburan serta kekeliruan makna. Walau bagaimanapun, penetapannya perlu mengambil kira parameter kesesuaian dan kesempurnaan. Secara ringkasnya, walaupun penterjemah mempunyai cara tersendiri, namun harus berhati-hati dan tidak mengubah maklumat dengan mengurangkan atau memberikan idea tambahan yang berlebihan dan tidak penting.

Kajian yang memfokuskan penggunaan prosedur terjemahan eufemisme al-Quran khususnya dalam karya terjemahan bahasa Melayu telah dijalankan oleh Muhammad Luqman Ibnul Hakim dan Zulazhan (2021). Kajian tersebut menerapkan Teknik Terjemahan Intervensi oleh Darwish (2010) dan dapatan menunjukkan kebanyakan

penterjemah mengaplikasi teknik pinjaman, pengembangan, pinjam terjemah dan peluasan. Secara keseluruhan, kajian tersebut mendapati antara prosedur yang berhasil menyampaikan maksud sebenar ialah teknik apositif, teknik gantian modulasi dan teknik eksplisitasi secara nota kaki. Dalam kajian berasingan, Muhammad Luqman Ibnul Hakim et.al (2024) menyatakan penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu perlu menerapkan beberapa strategi, antaranya penganalisisan mendalam terhadap konteks, pengadaptasian unsur budaya dan penggunaan teknik eksplisitasi untuk mengurangkan kekaburan dalam teks terjemahan.

Taghian (2021) menyarankan strategi penyampaian maksud sebenar eufemisme al-Quran, antaranya penggunaan prafrasa, tanda kurung dan penyisipan nota kaki. Menurutnya, pengetahuan silang budaya dan kemampuan seseorang penterjemah mendalami wacana sociolinguistik sangat diperlukan bagi memahami fenomena eufemisme dan disfemisme. Hal ini kerana, pembaca sasaran secara relatifnya boleh keliru apabila penterjemah mengabaikan fungsi dan konsep eufemisme. Tegasnya, aspek sociolinguistik merupakan elemen penting dan berkait dengan nilai kemasyarakatan.

Pendekatan semantik dan komunikatif yang diketengahkan oleh Newmark (1981) dilihat lebih saintifik dan menyeluruh untuk diaplikasi dalam konteks penterjemahan eufemisme al-Quran. Hal ini dibuktikan menerusi kajian oleh Muhammad Luqman Ibnul Hakim et.al (2024). Menurutnya, dalam usaha menangani permasalahan dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu, pendekatan semantik dan komunikatif sebagaimana diketengahkan oleh Newmark (1988) boleh dipraktikkan. Namun, kedua-dua pendekatan tersebut perlu diiringi dengan

prosedur yang sesuai bagi memastikan penyampaian makna dan padanan perkataan menepati kontekstual ayat serta unsur budaya dalam kedua-dua bahasa. Dari sudut definisi, Newmark (1988) menjelaskan terjemahan semantik bersifat setia kepada bentuk, laras dan pola yang ada pada teks sumber, serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Manakala, terjemahan komunikatif cuba menghasilkan kesan ke atas pembaca, lebih lancar, mudah, langsung dan tidak mengekalkan sifat khusus teks asal.

Newmark (1988) mengemukakan lapan kaedah terjemahan iaitu terjemahan kata demi kata, terjemahan literal, terjemahan setia, terjemahan semantik, terjemahan adaptasi, terjemahan bebas, terjemahan idiomatik dan terjemahan komunikatif. Walau bagaimanapun, berdasarkan kaedah-kaedah yang dinyatakan terjemahan semantik dan komunikatif lebih memenuhi tujuan penterjemahan sebagaimana kenyataannya:

Commenting on these methods, I should first say that only semantic and communicative translation fulfill the two main aims of translation, which are first, accuracy, and second, economy. In general, a semantic translation is written at the author's linguistic level, a communicative at the readership's. (Newmark, 1988)

Dari sudut kajian lepas, kajian penterjemahan yang memfokuskan fenomena eufemisme dalam al-Quran ke bahasa Melayu belum dikaji secara khusus dan tuntas. Walau bagaimanapun, Muhammad Luqman Ibnul Hakim dan Zulazhan (2021) antara pengkaji terkini yang membahas topik mengenai penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu. Menurutnya, dua asas perlu diteliti iaitu elemen gaya dan makna. Antara elemen berkait dengan gaya eufemisme al-Quran ialah domain

hubungan suami isteri seperti perkataan *lāmastum* (menyentuh), *f’atūhunna* (datangilah), *yatamāsā* (bercampur) dan *taghasyāhā* (menggauli). Tegasnya, menterjemah perkataan itu kepada ‘hubungan seksual’ tidak menepati peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu kerana menzahirkan konotasi kasar. Sebaliknya, terjemahan kepada perkataan ‘mencampuri dan bersetubuh’ lebih berlapis dan sopan. Menurut Nasimah dan Lubna (2019) bidang kajian melibatkan penggunaan eufemisme masih dalam skala sederhana dan kajian lanjut perlu dilakukan bagi meneliti unsur eufemisme dalam karya terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu.

Oleh itu, satu kajian yang mengkaji implikasi daripada pendekatan penterjemahan yang diterap dalam karya terjemahan bahasa Melayu perlu dijalankan bagi meneliti aspek kesesuaian dan ketepatan. Hal ini signifikan untuk direalisasi agar wujud sumbangan penting dari sudut teori dan praktikal seperti penambahbaikan terjemahan, penghasilan karya berkualiti serta pengayaan input berguna kepada pengkaji bidang terjemahan. Justeru, berdasarkan kewajaran tersebut kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti impak pendekatan terjemahan terhadap kualiti penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu.

Metodologi

Kajian kualitatif ini berorientasi kaedah analisis kandungan ke atas empat karya terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu iaitu (al-Quran al-Karim dan Terjemahan Lafziyyah) terbitan Yayasan Restu, (al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Terjemahan dalam Bahasa Melayu) terbitan al-Hidayah House of Quran, (al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu) terbitan Masar Enterprise dan (al-Quran al-Karim & Terjemahan) terbitan Telaga Biru. Justifikasi pemilihan karya-karya ini dibuat

berdasarkan kejelasan metodologi penterjemahan, melepasi piawaian serta mendapat sambutan di kalangan pembaca. Manakala, justifikasi penetapan kepada empat buah karya terjemahan dibuat bertujuan memperoleh hasil yang lebih jitu merangkumi variasi perbezaan pendekatan, pemilihan padanan, gaya bahasa dan makna eufemisme.

Dalam konteks kajian ini, pangkalan korpus iaitu *Corpus of Euphemisms in the Qur’an* oleh Olimat (2019) dimanfaatkan sebagai instrumen semakan dan sumber pengumpulan data. Data kajian dikumpul berdasarkan kriteria permasalahan yang diketengahkan oleh Olimat (2018). Walau bagaimanapun, pengkaji hanya memfokuskan kepada dua elemen sahaja iaitu ketidaksampaian makna sebenar dan ketidaksesuaian gaya eufemistis. Justifikasi penetapan dua aspek ini adalah untuk menampakkan bentuk permasalahan utama dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu. Dalam kajian ini, hanya domain hubungan badan dianalisis memandangkan kekerapannya paling banyak dibicarakan dalam al-Quran.

Seterusnya, untuk mengenal pasti pendekatan yang digunakan dalam karya terjemahan, pengkaji menerapkan pendekatan semantik dan komunikatif oleh Newmark (1981). Dari sudut pengukuran aspek kualiti dan ketepatan, Model Penilaian Penterjemahan Eufemisme al-Quran (MPPEQ) oleh Olimat (2018) digunakan sebagai landasan kajian. Model ini terbahagi kepada dua aspek, iaitu penelitian terhadap makna eufemisme al-Quran dan penilaian kualiti dalam karya terjemahan. Model tersebut dikenali sebagai Model Linguistik yang diketengahkan untuk melakukan penilaian kritis terhadap proses penterjemahan eufemisme al-Quran melangkaui perkataan atau ayat. Dalam kajian ini, pengkaji merujuk kitab tafsir muktabar, antaranya

Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Quran oleh Imam al-Qurtubi, *Tafsir Jami' al-Bayan* oleh Imam al-Ṭabarī, *Tafsir Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'awīl* oleh Imam al-Baidhāwī, *al-Durr al-Manthūr* oleh Imam al-Suyūṭi, *Tafsir al-Quran al-'Azīm* oleh Imam Ibn Kathīr, *Tafsīr Lubāb al-ta'wīl fi ma'ānā al-tanzīl* oleh al-Khāzin, *Tafsir Ma'ālim al-Tanzīl* oleh al-Baghawī dan *Tafsir Al-tahrīr wa al-tanwīr* oleh Ibn 'Āshūr.

Kualiti penterjemahan eufemisme al-Quran dianalisis berdasarkan dua persoalan berikut, iaitu: (i) adakah makna sebenar eufemisme dalam al-Quran disampaikan atau digugurkan, dan (ii) adakah gaya eufemistis dikekalkan atau dihilangkan dalam karya terjemahan? Sehubungan itu, dua parameter ditetapkan bagi mengkaji kualiti penterjemahan eufemisme al-Quran bertunjangkan kepada impak pendekatan yang diterap dalam penterjemahan. Olimat (2018) menegaskan bahawa penilaian mestilah berdasarkan kepada kefahaman eufemisme pada bahasa sumber sebelum meneliti terjemahan dalam bahasa sasaran. Di samping itu, penelitian terhadap hubungan tekstual dan kontekstual antara ayat dalam al-Quran merupakan aspek penting untuk diberi perhatian. Secara ringkasnya, kajian ini akan meneliti perkaitan antara pendekatan terjemahan dengan mesej sebenar yang ingin disampaikan oleh al-Quran. Begitu juga kesesuaian dari sudut penggunaan gaya berdasarkan konsep eufemisme.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan analisis, impak pendekatan terjemahan mengacu kepada dua bentuk dapatan iaitu terjemahan berjaya dan kurang berjaya. Keberhasilan dalam penterjemahan menjurus kepada faktor penggunaan pendekatan dan diksi dalam wacana terjemahan. Manakala, ketidaksempurnaan pula dilihat berpunca

daripada pengaplikasian pendekatan semantik dan pemilihan leksikal yang tidak mematuhi laras berbahasa dalam masyarakat.

Bagi memudahkan perbincangan, pengkaji membenteng sampel kajian bersama terjemahannya dalam bentuk jadual. Pembentangan ini diikuti dengan huraian berkaitan pendekatan yang digunakan dan impak yang terhasil. Kod rujukan berkaitan penerbit disertakan iaitu Hidayah House ditanda (HH 2019), Pustaka Ehsan (PE 2018), Telaga Biru (TB 2019) dan Yayasan Restu (YR 2018).

Sampel 1: Eufemisme [al-Fahsyā'] (Quran, 7: 28)

Leksikal *fa-ha-sya* bermaksud sesuatu yang sangat teruk sama ada perbuatan ataupun perkataan (al-Aṣṣfahānī, 1997). Al-Baidhāwī (2003) mendefinisi eufemisme *al-fahsyā'* sebagai menjauhkan diri daripada sifat yang baik dan tidak berfikiran lurus. Manakala, al-Khāzin (2004) menyatakan ia adalah kejahatan bagi segala maksiat dan dosa besar. Berdasarkan konteks, al-Baghawī (1993) dan al-Khāzin (2004) menukulkan daripada Ibn 'Abbās, Mujāhid dan 'Aṭa' bahawa kata *fāhisyat* dan *al-fahsyā'* merujuk kepada perbuatan tawaf berkeadaan telanjang (lelaki dan perempuan) dan syirik. Perbuatan keji dan tercela tersebut dilakukan oleh orang jahiliyah Quraish (Ibn Kathīr; 1999). Ibn Kathīr (1999) menyatakan kebanyakan wanita bertawaf secara telanjang pada waktu malam dan kelakuan tersebut merupakan amalan rekaan berdasarkan perbuatan nenek moyang mereka dengan kepercayaan bahawa ia merupakan perintah dan peraturan daripada Allah SWT seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2.

Berdasarkan aspek penghasilan terjemahan menunjukkan HH 2019 dan PE 2018

masing-masing menterjemah eufemisme berunsur metonimi *al-fahsyā'* menggunakan pendekatan semantik secara penambahan (nota kaki). Manakala, TB 2019 mengaplikasi pendekatan semantik secara peluasan menggunakan parentesis. Seterusnya, YR 2018 dilihat menerapkan pendekatan semantik secara literal. Terjemahan bersifat semantik dapat diperhatikan pada padanan 'perbuatan yang keji', 'berbuat keji' dan 'perbuatan keji' sebagaimana didefinisi oleh Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006). Menurut pengkaji, prosedur penambahan dan peluasan sebagaimana dipraktikkan oleh HH 2019, PE 2018 dan TB 2019 sebagai inisiatif penyisipan maksud sebenar dalam

karya terjemahan. Walau bagaimanapun, perbezaan dapat diperhatikan dari sudut parameter huraian makna yang dilakukan oleh TB 2019 dan YR 2018. Analisis menunjukkan hanya HH 2019 dan PE 2018 berhasil menyampaikan maksud secara menyeluruh, sementara TB 2019 menyisipkan sebahagian daripadanya. Manakala, penterjemahan oleh YR 2018-pula terikat dengan struktur bahasa sumber tanpa melakukan sebarang penyesuaian. Hal ini membawa impak dan implikasi keterbatasan makna seterusnya mengorbankan fungsi item leksikal eufemisme al-Quran (Olimat, 2018) serta mempengaruhi kecekapan pragmatik pembaca sasaran.

Jadual 1: Pendekatan terjemahan eufemisme [al-fahsyā']

Terjemahan (Quran, 7: 28) [<i>al-fahsyā'</i>]			
HH 2019	PE 2018	TB 2019	YR 2018
Perbuatan yang keji* *seperti syirik, tawaf bertelanjang disekeliling kaabah dan sebagainya	Berbuat keji* *seperti syirik, tawaf bertelanjang disekeliling kaabah dan sebagainya	Perbuatan yang keji (seperti syirik)	Perbuatan keji

Sampel 2: Eufemisme [*al-Mā'*] (Quran, 2: 234)

Perkataan *al-mā'* bermaksud air, iaitu campuran hidrogen dan oksigen (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Berdasarkan Jadual 3, struktur ayat *khalaqa min al-mā' basyaran* memperihal kekuasaan Allah SWT tentang penciptaan manusia (al-Baidhāwi, 2003) secara khusus daripada air benih/air mani (al-Ṭabarī, 2000; Ibn Kathīr, 1999; al-Baidhāwi, 2003). Perkaitan makna secara intertekstual

mengenai penciptaan kehidupan menurut al-Aṣfahānī (1997) dapat ditelusuri pada surah al-Anbiyā' [21: 30] yang bermaksud: 'dan daripada air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup'. Ibn 'Āshūr (1984) menyatakan antara kebesaran Allah SWT ialah penciptaan zarah air iaitu (air benih manusia) yang menerusinya diciptakan kehidupan paling mulia di muka bumi dan punca terbentuknya zuriat bagi manusia.

Jadual 2: Pendekatan terjemahan eufemisme [*al-mā'*]

Terjemahan (Quran, 2: 234) [<i>khalaqa min al-mā' basyaran</i>]			
HH 2019	PE 2018	TB 2019	YR 2018
Menciptakan manusia dari air	Menciptakan manusia dari air	Menciptakan manusia daripada air mani	Menciptakan manusia daripada air (mani)

Aspek penghasilan terjemahan sebagaimana dipaparkan pada Jadual 3 menunjukkan HH 2019 dan PE 2018 mengekalkan padanan 'air' secara harfiah. TB 2019-pula mengaplikasi prosedur pengembangan dengan menambah item leksikal 'mani' melalui kolokasi 'air mani'. Manakala, YR 2018 mengaplikasi prosedur peluasan menerusi parentesis 'air (mani)'. Melalui perbandingan, padanan dan pendekatan terjemahan oleh TB 2019 dan YR 2018 menghasilkan impak berkualiti yang berupaya menjelaskan makna eufemisme al-Quran dengan lebih tepat dan berkesan. Penyesuaian tersebut memenuhi tujuan terjemahan al-Quran iaitu menjelaskan mesej al-Quran secara tepat, terutama kepada khalayak yang tidak memahami bahasa Arab. Walau bagaimanapun, pada hemat pengkaji, padanan 'air mani' boleh dihaluskan dengan frasa 'air benih' bagi menonjolkan unsur kecermatan dalam penterjemahan. Penggunaan terminologi air benih bagi menggantikan air mani dipraktikkan oleh YR 2018 pada surah al- Mursalat [77: 20] yang bermaksud: Bukankah kami telah menciptakan kamu daripada air (benih) yang dipandang hina?). Penyesuaian ini menurut Newmark (1981) merupakan prosedur neutralisasi dengan menyamakan fungsi bahasa sumber dengan padanan fungsi yang sesuai dalam bahasa sasaran. Tuntasnya, terjemahan tanpa pengeksplisitan makna oleh HH 2019 dan PE 2018 dilihat berisiko mempengaruhi mesej sebenar al-Quran kerana padanan 'menciptakan manusia dari/daripada air' secara literal menimbulkan andaian pelbagai terhadap khalayak pembaca seperti, adakah air campuran tanah? atau air secara fizikal? atau air yang sifatnya suci?. Selain itu, padanan 'dari' yang dikemukakan perlu digantikan dengan perkataan 'daripada' bagi menerangkan tempat datangnya sesuatu atau asal kejadian sesuatu perkara (Nik Safiah et al, 2015). Sehubungan itu, penyesuaian dalam

penterjemahan boleh dilakukan untuk menghasilkan mesej al-Quran lebih tepat dan gramatis.

Sampel 3: Eufemisme [Yataṭahharūn] (Quran, 7: 82)

Al-Aṣfahānī (1997) secara umum menjelaskan istilah *al-ṭahārah* merangkum dua jenis suci, iaitu rohani dan jasmani. Menurutnya lagi, struktur eufemisme *innahum unāsun yataṭahharūn* mengandungi maksud meninggalkan perbuatan dosa dan melakukan amal kebaikan sebagaimana terdapat pada surah al-Taubah [9: 108]. Secara kontekstual, struktur eufemisme tersebut memperihailah tindak balas secara ejekan (al-Aṣfahānī, 1997) tanpa jawapan daripada kaum Nabi Lut AS terhadap dakwah baginda. Ibn Kathīr (1999) melalui nukilan Qatādah menyatakan Nabi Lut AS dan pengikutnya diaibkan dengan perkara yang bukan menjadi keaiban (iaitu nasihat dan teguran terhadap maksiat) dan mencela mereka pada perkara yang bukan celaan. Al-Baghawī (1993) dan al-Khāzin (2004) pula menggunakan istilah *yantazihūn* sebagai situasi 'mendakwa dengan sifat suci'. Menurut al-Ṭabarī (2000) melalui nukilan Mujāhid dan Ibn 'Abbās, sifat suci yang diejek oleh kaumnya merujuk kepada perbuatan homoseksual (yang sama jenis jantina) daripada lelaki mahupun perempuan.

Berdasarkan Jadual 4, keempat-empat karya diinterpretasi mempraktikkan prosedur pengembangan, iaitu dengan menambah item leksikal 'menganggap', 'mendakwa' dan 'berpura-pura'. Menurut Kamus Dewan (2010), definisi menganggap membawa maksud 'berpendapat bahawa atau menyangka', kata berpura-pura pula merujuk kepada 'berbuat seakan-akan atau seolah-olah'. Manakala, perkataan mendakwa bermaksud 'mengemukakan tuduhan' atau

‘mengatakan sesuatu sebagai satu kenyataan’. Tuntasnya, penambahan tiga item leksikal yang disandarkan bersama padanan ‘dirinya suci’ dan ‘menyucikan diri’ dilakukan untuk menonjolkan unsur konotasi ejekan dan mempermainkan dakwah Nabi Lut AS. Berdasarkan penelitian dari aspek linguistik, pengkaji mendapati kata ‘mendakwa’ lebih relevan dengan konteks dan bertepatan dengan pandangan pentafsir al-Quran. Di samping itu, pengkaji berpandangan makna implisit yang terkandung pada eufemisme ‘dirinya suci’ dan ‘menyucikan diri’ perlu

dieksplisit untuk menghasilkan impak terjemahan yang mencapai kualiti ketepatan. Justeru, intipati makna eufemisme *yataṭahharūn* boleh diserlahkan kerana tidak semua pembaca sasaran berupaya memahami konteks linguistik selaras dengan mesej al-Quran. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar terjemahan lebih impresif dilakukan bersama teknik pengeksplisitan seperti: sesungguhnya mereka adalah golongan yang (mendakwa) dirinya suci (daripada homoseksual).

Jadual 4: Pendekatan terjemahan eufemisme [*yataṭahharūn*]

Terjemahan (Quran, 7: 82) [<i>innahum unāsun yataṭahharūn</i>]			
HH 2019	PE 2018	TB 2019	YR 2018
mereka adalah orang yang berpura-pura menyucikan diri	mereka adalah orang yang menganggap dirinya suci	mereka ialah orang yang mendakwa menyucikan dirinya	mereka adalah golongan yang berpura-pura menyucikan diri

Sampel 4: Eufemisme [Sau’āṭuhumā] (Quran, 20: 121)

Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006) mendefinisi leksikal *sau’āt* kepada empat pengertian iaitu perangai buruk, perkara keji, perbuatan yang memalukan dan aurat. Al-Ṭabarī (2000) dan Ibn Kathīr (1999) mentafsirkan leksikal *sau’āṭuhumā* kepada ‘*aurāṭuhumā*. Dalam konteks aplikasi pendekatan terjemahan sebagaimana Jadual 5, keempat-empat penerbit mengekalkan bentuk dan laras teks sumber dengan menterjemahkan kepada aurat. Pengekalan

ini tidak menyebabkan kekeliruan disebabkan terdapat persamaan unsur linguistik antara kedua-dua bahasa. Dengan demikian, penyesuaian mesej teks sumber tidak perlu dilakukan kerana masyarakat Melayu memahami perkataan aurat yang menjurus kepada maksud alat kelamin. Hal ini sejajar dengan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) yang mentakrifkan perkataan aurat dengan makna kemaluan. Secara ringkasnya, pengekalan laras teks sumber boleh diterapkan apabila terdapat kesamaan unsur linguistik dan budaya.

Jadual 3: Pendekatan terjemahan eufemisme [sau’āṭuhumā]

Terjemahan (Quran, 20: 121) [<i>fabadat lahumā sau’āṭuhumā</i>]			
HH 2019	PE 2018	TB 2019	YR 2018
Lalu terdedahlah aurat masing-masing	Lalu terdedahlah aurat masing-masing	Lalu terdedahlah aurat masing-masing	Lalu terdedahlah aurat / kemaluan masing-masing

Sampel 5: Eufemisme [Liyūṭahhirakum] (Quran, 8: 11)

Dari aspek konteks, eufemisme *liyūṭahhirakum* seperti dalam Jadual 6 memperihal nikmat kurniakan Allah SWT kepada tentera Muslimin, antaranya rasa mengantuk yang menenangkan hati daripada ketakutan dalam peperangan Badar (Ibn Kathīr, 1999). Dalam situasi tersebut Allah SWT menurunkan air hujan untuk menyucikan orang-orang mukmin agar dapat menunaikan sembahyang,

kerana pada waktu itu mereka berada dalam keadaan junub tanpa air (al-Ṭabarī, 2000; Ibn Kathīr, 1999). Al-Baghawī (1993) menyatakan sebahagian daripada mereka dalam keadaan berhadas, junub dan kehausan. Setelah itu, Allah SWT menurunkan hujan supaya mereka dapat menyempurnakan mandi junub dengan yakin (al-Baghawī, 1993; Ibn Kathīr, 1999), berwudu' (al-Ṭabarī, 2000) dan menghilangkan mereka daripada bisikan syaitan (al-Suyūti, 2011).

Jadual 6: Pendekatan terjemahan eufemisme [liyūṭahhirakum]

Terjemahan (Quran, 8: 11) [<i>wa yunazzilu a'laikum min al samā'i mā'an liyūṭahhirakum</i>]			
HH 2019	PE 2018	TB 2019	YR 2018
untuk menyucikan kamu	menyucikan kamu dengan (hujan) itu	untuk menyucikan kamu	untuk menyucikan kamu dengannya

Aspek penghasilan terjemahan menunjukkan keempat-empat karya setia kepada struktur bahasa sumber dengan mengekalkan padanan 'menyucikan' tanpa sebarang penyesuaian. Pendekatan ini pada hemat pengkaji berpotensi membawa impak terhadap kualiti dan ketepatan mesej al-Quran serta mempengaruhi kefahaman khalayak pembaca. Hal ini kerana, kata 'menyucikan' mencetuskan pelbagai pentaafsiran dan andaian seperti: apakah yang mahu disucikan dengan hujan tersebut? Dalam konteks ini, pengkaji berpandangan maksud implisit eufemisme *liyūṭahhirakum* perlu diserlahkan selaras dengan konteks linguistik. Justeru, penterjemahan boleh ditambah baik seperti, "...Dia menurunkan kepada kamu hujan daripada langit untuk menyucikan kamu (daripada hadas dan junub).

Sampel 6: Eufemisme [Fāu'u] (Quran, 2: 226)

Al-Aṣṣfahānī (1997) menyatakan struktur eufemisme *fāu'u* mengandungi maksud

kembali kepada keadaan yang baik. Menurutny lagi, pemaknaan ini secara intertertekstual dapat ditelusuri pada surah al-Hujurāt [49: 9]. Dari aspek konteks, ayat ini dikategori sebagai ayat hukum berdasarkan penjelasan hukum *al-iṭlā'* iaitu sumpahan untuk tidak menyetubuhi isteri (al-Zuhaylī, 1991). Kata *al-iṭlā'* dalam ilmu fiqah bermaksud sumpah seorang suami menggunakan nama Allah SWT untuk tidak mencampuri isterinya secara mutlak (al-Khin et al., 1996). Secara kontekstual, ayat tersebut diturunkan berdasarkan amalan kaum lelaki Jahiliyyah yang akan bersumpah untuk tidak mencampuri dan meninggalkan wanita (sama ada yang belum berkahwin ataupun yang sudah berkahwin) selama bertahun-tahun jika apa yang diminta oleh suami tidak ditunaikan (al-Khāzin, 2004). Setelah datangnya Islam, Allah SWT menetapkan had masa selama empat bulan (al-Khāzin, 2004) bermula ucapan sumpah dibuat. Sekiranya seorang suami kembali melakukan persetubuhan dalam tempoh masa tersebut, maka sumpahnya itu terbatal dan wajib

membayar kaffarah kerana melanggar sumpah berdasarkan jumbuh ulama (al-Baghawī, 1993).

Penghasilan terjemahan sebagaimana Jadual 7 menunjukkan keempat-empat penerbit mengekalkan unsur bahasa sumber, iaitu ‘kembali’ bersama sisipan penjelasan menerusi prosedur peluasan. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati perbezaan padanan dilihat berisiko mempengaruhi kefahaman khalayak pembaca. Terjemahan makna yang dipraktikkan oleh TB 2019 dan YR 2018 melalui padanan ‘kembali (mencampurinya)’ berupaya memenuhi

aspek ketepatan bertunjangan pemilihan leksikal berunsur metonimi yang membawa maksud mempergauli isteri. Penyesuaian ini selaras dengan saranan Olimat (2018) supaya setiap padanan terjemahan perlu berfungsi menyampaikan maksud sebenar dengan berkesan. Namun demikian, sisipan keterangan ‘kepada isterinya’ yang disandarkan bersama perkataan ‘kembali’ oleh HH 2019 dan PE 2018 berupaya mencetuskan impak keterbatasan kefahaman disebabkan faktor diksi dan ketidakcukupan informasi. Implikasinya, menghilangkan elemen makna utama, iaitu mencampuri isteri sebagaimana dinyatakan oleh para pentafsir al-Quran.

Jadual 7: Pendekatan terjemahan eufemisme [fāu’u]

Terjemahan (Quran, 2: 226) [<i>fain fāu’u fainna Allāha ghafūrun rahīm</i>]			
HH 2019	PE 2018	TB 2019	YR 2018
Kemudian jika mereka kembali (kepada isterinya)	Kemudian jika mereka kembali (kepada isterinya)	Setelah itu, jika mereka Kembali (mencampurinya)	Setelah itu, jika mereka kembali (mencampurinya)

Kesimpulan

Faktor linguistik dan budaya merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian khususnya dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu. Berdasarkan penganalisan, tiga pertimbangan perlu diambil kira dalam penterjemahan, iaitu: (1) Pendekatan terjemahan berpotensi mempengaruhi aspek kualiti dan ketepatan penyampaian makna. Oleh yang demikian, penterjemah disarankan untuk mempertimbang impak daripada pengaplikasian teknik dan prosedur terjemahan, (2) Pemilihan perkataan berupaya mempengaruhi gaya eufemistik dan ketepatan dalam karya terjemahan. Sehubungan itu, penterjemah perlu peka terhadap peraturan sosiolinguistik bahasa sasaran dan memastikan teks terjemahan kelihatan semula jadi, gramatis serta impresif. Seterusnya, (3) Konsisten dalam

pengaplikasian pendekatan terjemahan bagi memastikan keselarasan tatacara pengeksplisitan makna dan penggunaan kaedah terjemahan. Kajian mendapati pendekatan semantik oleh Newmark boleh diaplikasi dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu memandangkan pendekatan tersebut berupaya membezakan fungsi dan tujuan terjemahan. Berdasarkan analisis, terjemahan semantik secara literal berupaya mengorbankan fungsi item leksikal bahasa sumber dan menyebabkan kekeliruan. Dalam hal ini, penggunaan prosedur seperti peluasan, pengembangan, penambahan dan teknik eksplisitasi lain boleh diterapkan sesuai dengan kecekapan pentafsiran khalayak pembaca. Dapatan juga menunjukkan pendekatan semantik boleh diaplikasi apabila terdapat persamaan dari sudut linguistik dan budaya. Kesimpulannya, kajian telah menengahkan dua impak yang dikenal

pasti tercetus daripada pengaplikasian pendekatan terjemahan, iaitu keberhasilan dan ketidaksempurnaan penterjemahan. Rentetan daripada itu, beberapa cadangan terjemahan telah dikemukakan sebagai penambahbaikan bagi menghasilkan terjemahan yang lebih relevan dengan konteks dan menepati peraturan sociolinguistik dalam masyarakat. Secara umumnya, kajian ini telah meneroka dimensi baharu mengenai konsep eufemisme dalam al-Quran. Sebagai rumusan, dapatan kajian diharap menyumbang dari sudut pemurnian wacana terjemahan dan memperkayakan pengkajian dalam bidang terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu.

Rujukan

Abdul-Raof, H. (2001). *Qur'an Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. United Kingdom Curzon Press.

Ahmed, M. S. (2013). *Taboo Words and Euphemism in English and Arabic: A Contrastive Study*. (Unpublished Doctoral Dissertation). Savitribai Phule Pune University.

Al-Aṣḥānī, a.-R. P. (1997). *Mufradāt Alfāz al-Quran*. Damsyik: Dār al-Qalam.

Al-Baghawī, A. M.-H. (1993). *Ma'ālim al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah.

Al-Baidhāwī, Nasir al-Din Abi Said Abdullah Ibn Umar Ibn Muhammad al-Syirazi. (2003). *Tafsir al Baidhāwī al-Musamma Anwar al-Tanzīl wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.

Albarakati, M. (2019). Translated Qur'ān Euphemisms: Foreignised or Domesticated?. *Asia Pacific Translation and Intercultural Studies*, 6(1): 31-45. DOI: 10.1080/23306343.2018.1525820

Ali Albashir, M. A., Mesfer Ahmed, M. A., & Majda Babiker A. A. (2019). Constrains of Rendering Some Selected Qur'anic Verses (Āyahs) into English: A Sociorhetorical Interpretation. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation (IJLLT)*, 102-117.

Al-Jirjani, A. (1908). *Al-Muntakhab min Kinayat al-Udaba' wa Isharat al-Bulagha'*. Cairo: Al-Sa'adah.

Al-Khāzin, A. B. (2004). *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'ānā al-Tanzīl [Tafsīr al-Khāzin]*. Beirut: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah.

Al-Khin, M., al-Bughā, M., & al-Syarbajī, 'A. (1996). *Al-Fiqh al-manhajī 'alā al-mazhab al-Syāfi'e*. Damsyik: Dār al-Qalam.

Al-Mubarid, M. (1986). *Al-Kāmil*. Beirut: Mu'sasat Ar-Risalah.

Al-Qahtani, O. (2020). Translation Techniques Applied in the Translation of Euphemisms for Hardship in the Quran. *Advances in Language and Literary Studies*, 31- 37.

Al-Qurṭūbī, A.M.A. (2003). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*. Riyadh: 'Ālam al-Kutub.

Al-Ṭabarī, M. i. (2000). *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah alRisalah.

Al-Zarqāni, M. A. (1995). *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Cairo, Egypt: Dār al-Kitāb al-A'rabiyyatt.

Asmah, O. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bassnett, S. (1996). *Translation Studies*. Routledge, London.

Darwish, A. (2010). *Elements of Translation*. Melbourne: Writescope.

- Fahrur Rosikh. (2014). Eufemisme dan Tabu dalam Bahasa Arab. *Jurnal Ummul Qura*, 4(2): 71-87.
- Farghal, M. (1995). Euphemism in Arabic: A Grecian Interpretation. *Journal of Anthropological Linguistics*, 37(3): 366-378.
- Haziyah, H., & Muhammad Hadi, M. A. L. (2020). Perkembangan Penterjemahan al-Quran di Malaysia pada Abad ke 21. E-Prosiding THIQAH 2020 Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa al-Quran dan Hadis, 267-280. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor & Universitas Ahmad Dahlan, Jogjakarta.
- Ibn 'Āshūr, M. a.-T. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dar Shuhnun.
- Ibn Fāris, A. (1910). *Al-Sahibi fi Fiqh al-Lughah al-'Arabiyatt wa Masa'iliha wa Sunan al-'Arab fi Kalamiha*. Beirut: Maktabat Al-Ma'arif.
- Ibn Kathīr, A. a.-F. (1999). *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Loae Fakhri, J. (2019). A Sociolinguistic View of Euphemism in Arabic and English: A Comparative Analysis. *International Journal of Development Research*, 9(10): 30833-30846.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim, M. S., & Zulazhan A. H. (2021). Ketidaktepatan Terjemahan Eufemisme Dalam al-Quran ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3): 47-61.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim, M.S., Zulazhan, A.H., Nurazan, M.R., & Razimi, Z. (2024). Ambiguity in the Translation of Quranic Euphemisms into the Malay Language. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 9(1): 74-96. DOI: 10.24200/jonus.vol9iss1pp74-96
- Nasimah, A., & Lubna, A. R. (2019). Eufemisme Dalam Wacana Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1): 39-56.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New York: Prentice Hall.
- Nik Safiah, K., Farid, M. O., Hashim, M., & Abdul Hamid, M. (2015). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurhalimah, T., Anni Holila, P., & Amrin, S. (2017). Euphemism of Surah al-Baqarah in the Holy Qur'an. *Jurnal Linguistik Terapan Pascasarjana*, 14(3): 274-281.
- Olimat, S. N. (2018). Developing a Model for Translating Euphemism in the Qur'an: An Intratextual and Contextual-based Approach. *Advances in Language and Literary Studies*, 9(6): 101-111.
- Olimat, S. N. (2019). Euphemism in the Qur'an: A Corpus Based Linguistic Approach. *International Journal of Computational Linguistics*, 10(2): 16-32.
- Sadiqi, F. (2003). *Woman and Gender in the Middle-East and the Islamic World*. Boston: Brill.
- Sarmad, M. I., & Hussam, R. H. (2020). Quranic Specific Phrases under the Study of Translation: Significance and

Applications. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 11: 451-465.

Taghian, M. (2021). Translating Euphemisms of Sexual Taboos in the Qur'an: A Trans-linguistic Approach. *British Journal of Translation, Linguistics and Literature*, 1: 32-53.

Warren, B. (1992). What Euphemisms Tell Us about the Interpretation of Words? *Studia Linguistica*, 46(2): 128–172. DOI: 10.1111/j.1467-9582.1992.tb00833.x